

U 0917 AAB

MUSA - JELAS (ULANGAN DENGAN TAMBAHAN MAKLUMAT)

PASIR GUDANG, 3 DIS (BERMAMA) -- DATUK MUSA HITAM BERKATA BELIAU SEBENARNYA SUDAH MENJELASKAN MENGAPA BELIAU MENOLAK TAWARAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD UNTUK JAWATAN MENTERI TIDAK BERPORTFOLIO.

+APA YANG TIDAK JELAS LAGI, SAYA SUDAH MENJELASKANNYA KEPADA BELIAU DI PASA DUA SURAT ITU BAHAWA SAYA TIDAK DAPAT TERIMA TAWARAN ITU KERANA INGINKAN PERPADUAN DICAPAI SEBAG PERPECAHAN BERLAKU DALAM PARTI BUKAN DALAM KERAJAAN,+ KATANYA DI MAJLIS SAKBUTAN MAULIDUR RAUL DI BALAIRAYA TANAH AIR DIRU DI SINI MALAM TADI.

DATUK MUSA YANG JUGA ANGGOTA PARLIMEN KOTA TINGGI MEMBUAT PENJELASAN ITU SEBAGAI MENGULAS KENYATAAN PERDANA MENTERI DI KUALA LUMPUR SEMALAM YANG DATUK MUSA TIDAK MENYATAKAN PENDIRIAN JELAS DALAM SURAT JAWAPANNYA KEPADA BELIAU (DATUK SERI DR MAHATHIR) BARU-BARU INI MENGENAI TAWARAN JAWATAN MENTERI ITU.

BERCAKAP KEPADA PEMBERITA KEMUDIAN, DATUK MUSA BERKATA BELIAU TIDAK MAHU MENGULAS LEBIH LANJUT MENGENAI SURATNYA ITU YANG JUGA MENYENTUH TENTANG MEMORANDUM CENDIKIAMAN MELAYU SEBELUM MENDAPAT LAPORAN SEPENUHNYA.

BELIAU BERKATA +SAYA DAN TIMBANG ADA DASAR PERSAMAAN SEBAGAI ASAS UNTUK PENELITIAN BERSAMA-SAMA DENGAN LEBIH MENDALAM+.

+SAYA DAN BELIAU BOLEH MENRAJAI DAN BERBINCANG MENGENAINYA TETAPI BUKAN DUDUK DI TEMPAT YANG SAMA,+ -- LAGI.

1208MST 03 12 88

U 0913 AAB

MUSA - JELAS 2 PASIR GUDANG

MENGENAI PERTEHUANNYA DENGAN MENTERI BESAR JOHOR TAN SRI HAJI MUHYIDDIN YASSIN, DATUK MUSA BERKATA +SAYA DAN JUMPA DENGAN BELIAU DI RUMAH SAYA DI KUALA LUMPUR SEMALAM DALAM SUASANA MUHIBAH DAN SALING BERTUKAR-TUKAR FIKIRAN.+

+KAMI BERBINCANG MENGENAI APA YANG BOLEH DIBUAT DI JOHOR DAN CARA-CARA UNTUK MEMSATASI MASALAH PERPADUAN SEKARANG,+ JELASNYA.

MENJAWAB SATU SOALAN, BELIAU BERKATA ADA SARIS PANDUAN MENGENAI BEBERAPA PERKARA YANG TELAH DIKENALPASTI YANG PERLU DIBUAT.

BAGAIMANAPUN, BELIAU TIDAK MAHU MENGULAS SAMBIL MENAMBAH +SAYA TIDAK MAHU CAKAP LEBIH KERANA APA JUA RANCANGAN TIDAK PERNAH BERJAYA SEKIRANYA DIBUAT MELALUI AKHBAR. -- BERMAMA

1149MST 03 12 88